



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK & GAS

OIL & GAS SERVICES AND EQUIPMENT (OGSE) CENSUS

2024



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK & GAS 2024 *OIL & GAS SERVICES AND EQUIPMENT (OGSE) CENSUS 2024*

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: the Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
Emel / <i>E-mail</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)
Harga / <i>Price</i>	:	RM50.00

Diterbitkan pada Mac 2025 / *Published in March 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISBN 978-967-253-895-0

Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 diterbitkan buat julung kali oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ianya membentangkan statistik yang diperoleh daripada Banci OGSE yang dilaksanakan pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023. Banci ini merangkumi semua pertubuhan berdaftar dan terlibat dalam aktiviti OGSE meliputi sektor Perindustrian (Perlombongan dan pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan) serta sektor Perkhidmatan. Pertubuhan dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, berdasarkan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), Rev. 4, 2008.

Statistik utama berkaitan dengan bilangan pertubuhan, output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, pekerja, gaji & upah dan harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini di peringkat nasional dan wilayah. Selain itu, statistik berkaitan dengan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), aktiviti teras OGSE dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang menjadi indikator Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan bagi tempoh 2021-2030 turut disediakan. Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, sektor swasta dan individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran serta pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama mengandungi sorotan utama statistik OGSE, diikuti ringkasan penemuan dalam bahagian kedua. Seterusnya, bahagian ketiga menampilkan rencana, sementara bahagian keempat menyediakan jadual statistik terperinci. Bahagian kelima merangkumi aspek teknikal, termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta pemboleh ubah utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah menyediakan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Maklum balas dan cadangan untuk menambah baik laporan pada masa hadapan adalah amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mac 2025

The Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Census 2024 is the inaugural publication from the Department of Statistics Malaysia. It presents statistics obtained from the OGSE Census 2024 for the reference year 2023. This census encompasses all registered establishments engaged in OGSE activities across, spanning the Industrial sectors (Mining and quarrying, Manufacturing and Construction) and Services sector. Establishments are classified according to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Version 1.0, based on the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4, 2008.

Key statistics related to the number of establishments, gross output, intermediate input, value added, persons engaged, salaries & wages, and fixed assets are reported in this publication at the national and regional levels. Additionally, statistics related to Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs), core activities of OGSE and Environmental, Social, and Governance (ESG) which are indicators of the National OGSE Industry Blueprint (2021-2030). These statistics can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors, and individuals to plan and formulate policies, conduct economic analyses, make projections, and business development.

This publication is divided into five sections. The first section presents the main highlights of OGSE statistics, followed by a summary of findings in the second section. The third section includes articles, while the fourth section provides detailed statistical tables. The fifth section covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions, as well as key variables.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who provided the required data and contributed to the success of this publication. Feedback and suggestions for improving future reports are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

March 2025

	Muka Surat <i>Page</i>
Soroton Utama <i>Main Highlights</i>	2
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	7
Rencana <i>Article</i>	37
Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	49

Jadual <i>Table</i>	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	
1	Statistik utama aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by segment, 2023</i>	51
1.1	Statistik utama aktiviti OGSE bagi segmen Perindustrian, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by Industrial segment, 2023</i>	52
1.2	Statistik utama aktiviti OGSE bagi segmen Perkhidmatan, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by Services segment, 2023</i>	53
2	Statistik utama aktiviti OGSE mengikut wilayah, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by region, 2023</i>	54
3	Statistik utama aktiviti OGSE mengikut taraf sah, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by legal status, 2023</i>	55
4	Statistik utama aktiviti OGSE mengikut hak milik, 2023 <i>Principal statistics of OGSE activities by ownership, 2023</i>	56
5	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE mengikut kategori pekerja dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities by category of workers and sex, 2023</i>	57
5.1	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perindustrian mengikut kategori pekerja dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages OGSE activities of Industrial segment by category of workers and sex, 2023</i>	58

Jadual Table	Senarai Jadual List of Tables	Muka Surat Page
5.2	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perkhidmatan mengikut kategori pekerja dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages OGSE activities of Services segment by category of workers and sex, 2023</i>	59
6	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE mengikut kategori kemahiran dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities by category of skills and sex, 2023</i>	60
7	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE mengikut sijil tertinggi diperoleh dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities by highest certificate obtained and sex, 2023</i>	61
7.1	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perindustrian mengikut sijil tertinggi diperoleh dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities of Industrial segment by highest certificate obtained and sex, 2023</i>	62
7.2	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perkhidmatan mengikut sijil tertinggi diperoleh dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities of Services segment by highest certificate obtained and sex, 2023</i>	63
8	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE mengikut taraf kewarganegaraan dan jantina, 2023 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities by citizenship and sex, 2023</i>	64
9	Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap bagi aktiviti OGSE 2023 <i>Capital expenditure and value of fixed assets of OGSE activities, 2023</i>	65
10	Statistik utama PMKS aktiviti OGSE mengikut saiz, 2023 <i>Principal statistics MSMEs of OGSE activities by size, 2023</i>	66
11	Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 <i>Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023</i>	68
12	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi aktiviti OGSE, 2023 <i>Environmental, Social and Governance (ESG) of OGSE activities, 2023</i>	74

Nota teknikal
Technical notes

79

Lampiran 1
Appendix 1

108

Lampiran 2
Appendix 2

138

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1

SOROTAN UTAMA *MAIN HIGHLIGHTS*







KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

BANCI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK & GAS 2024


STATISTIK UTAMA




BILANGAN PERTUBUHAN DAN OUTPUT KASAR MENGIKUT SEKTOR DAN PMKS




10 AKTIVITI TERAS OGSE YANG TERTINGGI



ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)



PRESTASI SASARAN PELAN HALA TUJU INDUSTRI OGSE KEBANGSAAN 2021-2030



Nota: N.A.: Tidak tersedia

Sumber : Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia







MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

OIL & GAS SERVICES AND EQUIPMENT (OGSE) CENSUS 2024


KEY STATISTICS




NUMBER OF ESTABLISHMENTS AND GROSS OUTPUT BY SECTOR AND MSMEs



10 HIGHEST CORE ACTIVITIES OF OGSE




ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG)



PERFORMANCE OF NATIONAL OGSE INDUSTRY BLUEPRINT 2021-2030

TARGET 2030 OGSE CENSUS 2024 (REFERENCE YEAR 2023) MPRC (i-OGSE)



Note: N.A.: Not available

Source : Oil & Gas Services And Equipment (OGSE) Census 2024
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

2

RINGKASAN PENEMUAN *SUMMARY OF FINDINGS*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1. Pengenalan

Aktiviti Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) merujuk kepada pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan, peralatan dan sokongan teknikal kepada industri minyak dan gas, berbeza dengan pertubuhan di sektor Perlombongan minyak dan gas asli yang bertanggungjawab ke atas aktiviti penerokaan, pengeluaran, penapisan dan penjualan minyak mentah serta gas asli. Dari segi model perniagaan, OGSE menjana pendapatan melalui penyediaan perkhidmatan dan peralatan kepada syarikat minyak dan gas, manakala syarikat minyak dan gas memperoleh keuntungan daripada penjualan minyak mentah, gas asli dan produk berkaitan.

Pada 27 April 2021, Pelan Hala Tuju Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas Kebangsaan 2021-2030 (*OGSE Blueprint*) telah dilancarkan dan dipertanggungjawabkan kepada Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) bagi memantau prestasi dan memastikan industri OGSE tempatan kekal berdaya saing di pasaran global.

Salah satu inisiatif utama dalam *OGSE Blueprint* ini adalah penubuhan *OGSE Industry Data Depository*, yang bertujuan untuk menyelaraskan dan mengemas kini pengumpulan data dalam industri ini. Dengan pengumpulan data yang lebih teratur, dasar dan perancangan yang lebih tepat dan berasaskan data dapat dirangka. Inisiatif ini akan memberi impak besar dalam memastikan aktiviti OGSE berkembang secara mampan dan berdaya saing.

Bagi menyokong inisiatif yang dilaksanakan, Banci OGSE julung kali diadakan tahun 2024 bertujuan untuk mengutip dan mengumpul data pertubuhan yang terlibat dalam industri ini. Dapatan banci ini akan digunakan untuk menjadi penanda aras utama dalam menilai dan menjejaki perkembangan prestasi aktiviti OGSE di Malaysia dengan membekalkan data utama yang merangkumi statistik seperti output kasar, nilai ditambah, pekerja dan gaji & upah, serta peranan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

2. Perkembangan Aktiviti Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)

Pada awal 1990-an hingga awal 2000-an, Malaysia mula memberi tumpuan kepada eksplorasi minyak, terutamanya di lapangan minyak luar pesisir di Laut China Selatan. Syarikat milik kerajaan, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), yang ditubuhkan pada tahun 1974, memainkan peranan utama dalam industri ini. Pada tahun 1990-an, PETRONAS mula mengembangkan pengaruhnya di peringkat antarabangsa dengan memperoleh hak penerokaan di negara seperti Sudan, Rusia dan Turkmenistan. Pada tempoh ini, Malaysia mula dikenali sebagai pemain utama dalam pasaran minyak dan gas global.

Antara tahun 2000-an dan 2010-an, aktiviti OGSE Malaysia terus berkembang dipacu oleh kemajuan teknologi dan peningkatan pelaburan. Malaysia memperkenalkan teknik eksplorasi laut dalam dan kaedah pemulihan minyak yang dipertingkatkan (EOR) yang membolehkan negara mengakses sumber-sumber yang lebih sukar dicapai. Di samping itu, Malaysia mula memberi tumpuan kepada pengeluaran gas asli, khususnya dengan pembangunan infrastruktur gas asli cecair (LNG), menjadikannya salah satu pengeksport LNG terbesar di dunia menjelang 2010-an. PETRONAS juga mula mempelbagaikan


portfolio perniagaannya melalui penglibatan dalam industri petrokimia, penapisan dan peruncitan gas asli, sekali gus dapat mengukuhkan aktiviti OGSE dalam kerangka ekonomi negara.

Namun, dari tahun 2014 hingga 2020, aktiviti OGSE Malaysia berhadapan dengan turun naik harga minyak global yang ketara. Harga minyak jatuh merudum pada 2014 dan sekali lagi pada 2020 akibat ketegangan geopolitik, kemelesetan ekonomi dan pandemik COVID-19. Bagi mendepani cabaran semasa, pertubuhan yang terlibat dalam industri ini mula beralih kepada digitalisasi dan automasi dalam eksplorasi dan pengeluaran untuk mengurangkan kos operasi. Pada masa yang sama, aktiviti OGSE juga mula memberi tumpuan kepada Tenaga Boleh Baharu (TBB), seperti tenaga solar dan tenaga angin, sebagai sumber pendapatan alternatif untuk memenuhi matlamat kelestarian global.

Melihat ke hadapan, aktiviti OGSE di Malaysia dijangka akan memainkan peranan penting dalam perjalanan peralihan tenaga negara. Dengan perubahan permintaan tenaga global, Malaysia sedang mempelbagaikan campuran tenaga dan memberi tumpuan kepada pembangunan TBB sambil terus memanfaatkan sumber minyak dan gasnya. Aktiviti OGSE turut mendapat manfaat daripada dasar kerajaan yang memberi fokus kepada keperluan untuk mengurangkan karbon bagi memastikan aktiviti OGSE terus signifikan dalam landskap ekonomi negara.

Berdasarkan dapatan daripada Banci OGSE 2024 bagi tahun rujukan 2023, sebanyak 2,894 pertubuhan yang direkodkan terlibat dalam aktiviti OGSE, dengan jumlah output kasar yang dihasilkan mencapai RM79.2 bilion. Nilai input perantaraan mencatatkan RM39.8 bilion, sementara nilai ditambah yang dijana berjumlah RM39.4 bilion. Pada masa yang sama, gaji & upah merekodkan RM6.8 bilion, dengan jumlah pekerja seramai 123,288 orang seperti di **Paparan 1**.


Paparan 1: Statistik Utama Aktiviti OGSE, 2023



3. Bilangan Pertubuhan

Aktiviti OGSE merekodkan sebanyak 2,894 pertubuhan dengan sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar iaitu 56.8 peratus (1,643 pertubuhan) pada tahun 2023. Ini diikuti dengan sektor Pembinaan dan Pembuatan yang masing-masing menyumbang sebanyak 27.7 peratus (802 pertubuhan) dan 8.7 peratus (251 pertubuhan). Sementara itu, sektor Perlombongan dan pengkuarian menyumbang 6.8 peratus atau bersamaan 198 pertubuhan seperti di **Paparan 2**.


Paparan 2: Bilangan Pertubuhan mengikut Sektor, 2023



4. Output Kasar

Output kasar bagi pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti OGSE mencatatkan sebanyak RM79.2 bilion pada tahun 2023. Sektor Perlombongan dan pengkuarian mendominasi dengan sumbangan sebanyak 35.5 peratus atau RM28.1 bilion kepada output kasar, diikuti oleh sektor Perkhidmatan, yang menyumbang 32.5 peratus bersamaan RM25.8 bilion. Sementara itu, sektor Pembinaan dan Pembuatan masing-masing merekodkan sumbangan sebanyak 19.4 peratus (RM15.4 bilion) dan 12.5 peratus (RM9.9 bilion) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 3**.


Paparan 3: Output Kasar mengikut Sektor, 2023



5. Input Perantaraan

Input perantaraan mencatatkan jumlah sebanyak RM39.8 bilion pada tahun 2023. Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai tertinggi iaitu RM14.2 bilion dengan sumbangan sebanyak 35.6 peratus kepada nilai keseluruhan input perantaraan. Seterusnya, sektor Pembinaan mencatatkan nilai RM10.6 bilion (26.6%) manakala, sektor Perlombongan dan pengkuarian merekodkan RM8.4 bilion (21.1%) diikuti oleh sektor Pembuatan sebanyak RM6.7 bilion (16.7%) seperti di **Paparan 4**.


Paparan 4: Input Perantaraan mengikut Sektor, 2023



6. Nilai Ditambah

Nilai ditambah bagi aktiviti OGSE berjumlah RM39.4 bilion pada tahun 2023 dengan sektor Perlombongan dan pengkuarian menyumbang 50.0 peratus (RM19.7 bilion) daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya, sektor Perkhidmatan merekodkan sebanyak 29.4 peratus (RM11.6 bilion). Sementara itu, sektor Pembinaan dan Pembuatan masing-masing mencatatkan 12.3 peratus (RM4.8 bilion) dan 8.3 peratus (RM3.3 bilion) seperti di **Paparan 5**.

Paparan 5: Nilai Ditambah mengikut Sektor, 2023



7. Pekerja dan Gaji & Upah

7.1 Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Sektor

Jumlah pekerja dalam aktiviti industri OGSE mencatatkan seramai 123,288 orang pada tahun 2023. Sektor Pembinaan merekodkan bilangan pekerja tertinggi dengan 50,696 orang (41.1%), diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan 48,731 orang (39.5%). Sektor Pembuatan melibatkan 12,365 orang (10.0%), manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan seramai 11,496 orang (9.3%) seperti di **Paparan 6**.

Sementara itu, jumlah gaji & upah merekodkan nilai sebanyak RM6.8 bilion. Sektor Perkhidmatan mencatatkan bayaran tertinggi, berjumlah RM2.8 bilion (41.6%), diikuti oleh sektor Pembinaan dengan RM2.1 bilion (30.8%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian sebanyak RM1.2 bilion (17.2%), manakala sektor Pembuatan merekodkan RM0.7 bilion (10.4%).

Dari segi purata gaji bulanan, sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan jumlah tertinggi dengan RM8,464. Sektor Perkhidmatan mencatat purata gaji bulanan sebanyak RM4,865, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan RM4,789 dan sektor Pembinaan dengan RM3,446.

Paparan 6: Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Sektor, 2023




7.2 Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Kategori dan Kemahiran

Kategori pekerja tertinggi disumbangkan oleh Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan dengan jumlah sebanyak 31,845 orang (25.8%). Ini diikuti oleh Juruteknik dan profesional bersekutu, 16,866 orang (13.7%) dan Operator mesin & loji dan pemasang, 15,004 orang (12.2%).

Sementara itu, Pengurus merekodkan gaji & upah yang tertinggi berjumlah RM1.5 bilion (22.0%). Ini disusuli dengan Profesional serta Juruteknik dan profesional bersekutu, yang masing-masing mencatatkan RM1.4 bilion (21.3%) dan RM1.1 bilion (15.7%).

Bagi tahap kemahiran, pekerja Separuh mahir merekodkan jumlah pekerja tertinggi sebanyak 67,552 orang (56.1%) dan purata gaji bulanan sebanyak RM2,993. Seterusnya, pekerja Mahir berjumlah 41,048 orang (34.1%) dengan purata gaji RM8,107 sebulan. Manakala, pekerja Berkemahiran rendah mencatatkan 11,917 pekerja (9.9%) dengan purata gaji RM2,230 sebulan seperti di **Paparan 7**.

Paparan 7: Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Kategori dan Kemahiran, 2023




7.3 Pekerja mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh

Pekerja berkelulusan ijazah sarjana muda / diploma lanjutan atau yang setaraf mempunyai jumlah pekerja yang tertinggi iaitu seramai 32,417 orang dengan sumbangan 26.3 peratus. Seterusnya, bagi berkelulusan SPM / SPM (V) atau yang setaraf dengan jumlah 30,598 pekerja bersamaan dengan 24.8 peratus sumbangan. Ini diikuti oleh pekerja berkelulusan diploma mencatatkan jumlah pekerja sebanyak 27,440 atau 22.3 peratus sumbangan.

Aktiviti OGSE didominasi oleh lelaki yang menyumbang 78.6 peratus atau 96,896 orang kepada jumlah pekerja. Sementara itu, perempuan mencatatkan sebanyak 21.4 peratus atau 26,392 orang pada tahun 2023 seperti di **Paparan 8**.

Paparan 8: Pekerja mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, 2023



8. Harta Tetap

Nilai harta tetap bagi pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti OGSE pada tahun 2023 berjumlah RM111.0 bilion. Sektor Perlombongan dan pengkuarian merekodkan nilai Harta tetap tertinggi dengan sumbangan 71.6 peratus atau RM79.5 bilion, diikuti oleh Sektor Pembinaan sebanyak RM2.8 bilion (2.5%). Sementara itu, sektor Perkhidmatan merekodkan RM26.5 bilion (23.9%), manakala sektor Pembuatan mencatatkan nilai sebanyak RM2.2 bilion (2.0%) seperti di **Paparan 9**.

Paparan 9: Harta Tetap mengikut Sektor, 2023



9. Prestasi mengikut Wilayah

Wilayah di Malaysia merujuk kepada Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Semenanjung Malaysia terdiri daripada 11 negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, dan Terengganu, serta tiga Wilayah Persekutuan yang meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan. Dapatan daripada sektor Pembuatan, Pembinaan serta Perlombongan dan pengkuarian dikelaskan sebagai segmen Perindustrian manakala dapatan daripada sektor Perkhidmatan dikategorikan sebagai segmen Perkhidmatan. Statistik utama mengikut wilayah dan segmen seperti di **Paparan 10**.

9.1 Semenanjung Malaysia

Bilangan pertubuhan di Semenanjung Malaysia mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 2,420 pertubuhan atau 83.7 peratus, yang mana segmen Perindustrian dan segmen Perkhidmatan masing-masing merekodkan 1,061 dan 1,359 pertubuhan. Output kasar yang dihasilkan oleh wilayah ini berjumlah RM70.8 bilion, yang mana segmen Perindustrian mencatatkan output tertinggi sebanyak RM48.8 bilion manakala segmen Perkhidmatan dengan RM22.0 bilion.

Semenanjung Malaysia terus mendominasi nilai input perantaraan berjumlah RM34.9 bilion atau 87.8 peratus dari jumlah keseluruhan. Segmen Perindustrian kekal sebagai penyumbang tertinggi sebanyak RM22.5 bilion, diikuti oleh segmen Perkhidmatan RM12.4 bilion. Nilai ditambah yang disumbangkan di wilayah Semenanjung Malaysia sebanyak RM35.9 bilion atau 91.0 peratus dengan segmen Perindustrian merekodkan RM26.2 bilion berbanding RM9.6 bilion oleh segmen Perkhidmatan.

Jumlah pekerja di Semenanjung Malaysia merekodkan 98,647 orang yang menyumbang 80.0 peratus kepada jumlah keseluruhan pekerja. Sebanyak 60,821 orang bekerja dalam segmen Perindustrian, manakala 37,826 orang berada dalam segmen Perkhidmatan. Gaji & upah yang dibayar di Semenanjung Malaysia berjumlah RM5.5 bilion atau 81.0 peratus, dengan segmen Perindustrian menyumbang RM3.2 bilion dan segmen Perkhidmatan sebanyak RM2.3 bilion.

9.2 Sabah

Sabah mencatatkan 127 pertubuhan atau 4.4 peratus, dengan 74 pertubuhan berada di segmen Perkhidmatan manakala 53 pertubuhan di segmen Perindustrian. Output kasar yang dihasilkan berjumlah RM1.4 bilion atau 1.8 peratus, dengan segmen Perkhidmatan dan segmen Perindustrian merekodkan nilai yang sama iaitu RM0.7 bilion.

Sabah merekodkan jumlah input perantaraan sebanyak RM0.9 bilion atau 2.1 peratus, dengan RM0.5 bilion disumbangkan oleh segmen Perindustrian manakala RM0.4 bilion daripada segmen Perkhidmatan. Nilai ditambah yang disumbangkan oleh wilayah ini berjumlah RM0.6 bilion atau 1.4 peratus, yang mana segmen Perindustrian dan segmen Perkhidmatan masing-masing mencatatkan RM0.2 bilion dan RM0.4 bilion.

Jumlah pekerja di Sabah adalah seramai 6,579 orang atau 5.4 peratus, dengan 3,781 orang berada dalam segmen Perkhidmatan, manakala 2,798 orang bekerja dalam segmen Perindustrian. Gaji & upah yang dibayar di Sabah berjumlah RM0.2 bilion atau 3.3 peratus, dengan segmen Perkhidmatan dan segmen Perindustrian merekodkan nilai sebanyak RM0.1 bilion.


9.3 Sarawak

Sarawak mencatatkan sebanyak 347 pertubuhan atau 12.0 peratus, meliputi 137 pertubuhan yang disumbangkan oleh segmen Perindustrian dan 210 pertubuhan oleh segmen Perkhidmatan. Output kasar yang dihasilkan berjumlah RM7.0 bilion atau 8.8 peratus, yang mana segmen Perindustrian menjana output sebanyak RM4.0 bilion manakala segmen Perkhidmatan sebanyak RM3.0 bilion.

Nilai input perantaraan merekodkan sebanyak RM4.0 bilion atau 10.0 peratus, disumbangkan oleh segmen Perindustrian berjumlah RM2.6 bilion manakala RM1.4 bilion daripada segmen Perkhidmatan. Nilai ditambah yang dicatatkan oleh Sarawak sebanyak RM3.0 bilion atau 7.5 peratus, dengan RM1.4 bilion daripada segmen Perindustrian dan RM1.6 bilion daripada segmen Perkhidmatan.

Jumlah pekerja di Sarawak adalah seramai 18,062 orang atau 14.7 peratus, iaitu 10,938 orang berada dalam segmen Perindustrian, manakala 7,124 orang bekerja dalam segmen Perkhidmatan. Gaji & upah yang dibayar berjumlah RM1.1 bilion atau 15.8 peratus, dengan segmen Perindustrian menyumbang RM0.7 bilion dan segmen Perkhidmatan sebanyak RM0.4 bilion.

Paparan 10: Statistik Utama mengikut Wilayah dan Segmen, 2023




10. Aktiviti Teras OGSE

Aktiviti teras OGSE merujuk kepada kategori kerja yang terlibat dalam pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada pemegang lesen yang dianugerahkan kontrak oleh PETRONAS. Sebanyak 56 aktiviti teras telah dikenal pasti dengan lima kumpulan utama, iaitu Penerokaan, Pembangunan, Pengeluaran, *Decommissioning* dan Produk.

Berdasarkan banci ini, terdapat 10 aktiviti teras tertinggi yang menyumbang hampir 50.0 peratus telah dikenal pasti. Aktiviti perundingan kejuruteraan merekodkan penglibatan tertinggi dengan sumbangan sebanyak 8.6 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti Perkhidmatan tenaga manusia dan Bekalan & perkhidmatan bahan kimia dengan masing-masing menyumbang 7.8 peratus dan 5.1 peratus kepada keseluruhan aktiviti teras OGSE seperti di **Paparan 11**.

Paparan 11: 10 Aktiviti Teras OGSE yang Tertinggi, 2023



11. Pemahaman dan Kesedaran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)


Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) diguna pakai bagi memastikan kelestarian jangka panjang serta mematuhi keperluan peraturan tempatan dan antarabangsa. Penggunaan ESG dalam sektor ini bukan sahaja bertujuan mengurangkan kesan alam sekitar tetapi juga untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan memperkukuh tadbir urus korporat. Tahap pemahaman dan kesedaran pertubuhan diukur berdasarkan skala 1 hingga 5 dengan perincian seperti berikut:

1. Tiada kesedaran
2. Sedar tetapi pada masa ini tidak menjejaki metrik prestasi ESG secara aktif
3. Menjejaki dan mengukur prestasi ESG untuk kegunaan luaran
4. Menjejaki dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara terbuka atau kepada pemegang taruh (cth. pelanggan)
5. Menjejaki dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara umum atau kepada pemegang taruh dan dengan sasaran dan sistem ESG yang jelas untuk memastikan pematuhan / memacu peningkatan dalam ESG (cth. sistem perniagaan)

11.1 Alam Sekitar

Pengukuran bagi elemen Alam sekitar merangkumi lima komponen utama iaitu Pelepasan, Pengurusan air, Alam semula jadi dan biodiversiti, Sisa dan *circularity*, serta Pengurusan tenaga. Berdasarkan elemen ini, majoriti pertubuhan mencatatkan tahap pemahaman pada skala 2 bagi komponen Pelepasan (30.7%). Pengurusan air (30.8%), Alam semula jadi dan biodiversiti (37.7%), Sisa dan *circularity* (35.7%), serta Pengurusan tenaga (29.5%) seperti di **Paparan 12**.


Paparan 12: Skala Peratusan Pemahaman dan Kesedaran ESG bagi Alam Sekitar, 2023



11.2 Sosial

Komponen di bawah elemen Sosial adalah Kesihatan dan keselamatan, Hak asasi manusia dan hak pekerja, Impak komuniti, Kepelbagaian dan keterangkuman, Pekerjaan dan Latihan. Bagi elemen Sosial, majoriti pertubuhan mencatatkan tahap pemahaman pada skala 4 daripada empat dari enam komponen. Pertubuhan yang merekodkan peratus sumbangan tertinggi bagi komponen Pekerjaan dengan 39.1 peratus, diikuti oleh Impak komuniti / tempat (35.3%), Kesihatan dan keselamatan (32.6%) dan Latihan (33.7%), Dua lagi komponen iaitu Kepelbagaian dan keterangkuman serta Hak asasi manusia dan hak pekerja masing-masing mencatatkan peratus sumbangan tertinggi dengan 31.1 peratus dan 29.3 peratus bagi skala 3 di **Paparan 13**.


Paparan 13: Skala Peratusan Pemahaman dan Kesedaran ESG bagi Sosial, 2023



11.3 Tadbir Urus

Komponen di bawah elemen Tadbir urus adalah Anti-sogokan dan rasuah, Pengurusan rantai bekalan, serta Privasi dan keselamatan data. Majoriti pertubuhan mencatatkan tahap pemahaman pada skala 4 bagi komponen Anti-sogokan dan rasuah (34.8%) dan Pengurusan rantai bekalan (30.3%). Namun bagi komponen Privasi dan keselamatan data, peratusan tertinggi pertubuhan berada pada skala 3 (35.1%) seperti di **Paparan 14**.

Paparan 14: Skala Peratusan Pemahaman dan Kesedaran ESG bagi Tadbir Urus, 2023



1. Introduction

The Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) activities refer to establishments that provide services, equipment and technical support to the oil and gas industry, distinguishing them from establishments in the Oil and natural gas mining sector, which are responsible for exploration, production, refining and sales of crude oil and natural gas activities. In terms of business models, OGSE generates revenue through the provision of services and equipment to oil and gas companies, whereas oil and gas companies derive profits from the sale of crude oil, natural gas and related products.

On 27 April 2021, the National OGSE Industry Blueprint 2021-2030 (OGSE Blueprint) was launched and entrusted to the Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) to monitor industry performance and ensure that local OGSE players remain competitive in the global market.

One of the key initiatives under the OGSE Blueprint is the establishment of the OGSE Industry Data Depository, aimed at coordinating and updating data collection within the industry. With more structured data collection, policies and planning can be developed with greater accuracy and data-driven decision-making. This initiative is expected to have a significant impact on ensuring sustainable and competitive growth of OGSE activities.

To support the initiatives that are implemented, the first-ever OGSE Census will be held in 2024, aiming to collect and gather data from organisations involved in this industry. The findings of this census will serve as a key benchmark for assessing and tracking the performance and development of the OGSE activities in Malaysia by providing essential data, including statistics on gross output, value added, persons engaged and salaries & wages, as well as the role of Micro, Small, and Medium Enterprises (MSMEs).

2. The Development of the Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Activities

From the early 1990s to the early 2000s, Malaysia began focusing on oil exploration, particularly in offshore fields within the South China Sea. Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), a government-owned entity established in 1974, played a central role in the industry. In the 1990s, PETRONAS expanded its influence internationally, securing exploration rights in countries such as Sudan, Russia and Turkmenistan. During this period, Malaysia emerged as a key player in the global oil and gas market.


Between the 2000s and 2010s, Malaysia's OGSE activities continued to expand, driven by technological advancements and increased investments. The country introduced deep water exploration techniques and enhanced oil recovery (EOR) methods, enabling access to more challenging resources. Additionally, Malaysia shifted its focus towards natural gas production, particularly through the development of liquefied natural gas (LNG) infrastructure, solidifying its position as one of the world's largest LNG exporters by the 2010s. PETRONAS further diversified its business portfolio by expanding into petrochemicals, refining and natural gas retail, strengthening the OGSE activities within the national economy.

However, from 2014 to 2020, Malaysia's OGSE activities faced significant fluctuations in global oil prices. Oil prices plummeted in 2014 and again in 2020 due to geopolitical tensions, economic recessions and the COVID-19 pandemic. To address these challenges, organizations in the industry began shifting toward digitalisation and automation in exploration and production to reduce operational costs. At the same time, OGSE activities also began focusing on Renewable Energy (RE), such as solar and wind energy, as alternative sources of income to meet global sustainability goals.

Looking ahead, Malaysia's OGSE activities is expected to play a crucial role in the nation's energy transition journey. As global energy demand shifts, Malaysia is diversifying its energy mix and focusing on RE development while continuing to leverage its oil and gas resources. OGSE activities also benefit from government policies focused on carbon reduction, ensuring the sector's continued significance in the national economic landscape.

Based on the findings from the OGSE Census 2024 for the reference year 2023, a total of 2,894 establishments were engaged in OGSE activities, with the gross output produced reaching RM79.2 billion. The value of intermediate input was recorded at RM39.8 billion, while the value added generated amounted to RM39.4 billion. Concurrently, salaries & wages recorded RM6.8 billion, with a total of 123,288 persons engaged, as depicted in **Exhibit 1**.


Exhibit 1: Key Statistics of OGSE Activities, 2023



3. Number of Establishments

OGSE activities recorded a total of 2,894 establishments, with the Services sector was the largest contributor at 56.8 per cent (1,643 establishments) in 2023. This was followed by the Construction and Manufacturing sectors, each contributing 27.7 per cent (802 establishments) and 8.7 per cent (251 establishments), respectively. Meanwhile, the Mining and quarrying sector contributed 6.8 per cent or 198 establishments as shown in **Exhibit 2**.


Exhibit 2: Number of Establishments by Sector, 2023



4. Gross Output

The gross output of establishments engaged in OGSE activities was recorded at RM79.2 billion in 2023. The Mining and quarrying sector dominated with a contribution of 35.5 per cent or RM28.1 billion, to the gross output, followed by the Services sector, which contributed 32.5 per cent equivalent to RM25.8 billion. Meanwhile, the Construction and manufacturing sectors each recorded contributions of 19.4 per cent (RM15.4 billion) and 12.5 per cent (RM9.9 billion) as shown in **Exhibit 3**.


Exhibit 3: Gross Output by Sector, 2023



5. Intermediate Input

The intermediate input was recorded at RM39.8 billion in 2023. The Services sector registered the highest amount reaching RM14.2 billion, which accounted for 35.6 per cent of the overall intermediate input. This was followed by the Construction sector, with RM10.6 billion (26.6%), while the Mining and quarrying sector contributed RM8.4 billion (21.1%). Meanwhile, the Manufacturing sector reported RM6.7 billion (16.7%), as illustrated in **Exhibit 4**.

Exhibit 4: Intermediate Input by Sector, 2023



6. Value Added

The value added for OGSE activities was totalled at RM39.4 billion in 2023, with the Mining and quarrying sector contributing 50.0 per cent (RM19.7 billion) of the total. The Services sector followed with 29.4 per cent (RM11.6 billion) per cent. Meanwhile, the Construction and Manufacturing sectors registered 12.3 per cent (RM4.8 billion) and 8.3 per cent (RM3.3 billion), respectively, as presented in **Exhibit 5**.

Exhibit 5: Value Added by Sector, 2023



7. Persons Engaged and Salaries & Wages


7.1 Persons Engaged and Salaries & Wages by Sector

The total number of persons engaged in the OGSE activities was recorded at 123,288 persons in 2023. The Construction sector recorded the highest number of persons engaged with 50,696 persons (41.1%), followed by the Services sector with 48,731 persons (39.5%). The Manufacturing sector involved 12,365 persons (10.0%), while the Mining and quarrying sector posted a total of 11,496 persons (9.3%), as shown in **Exhibit 6**.

In the meantime, salaries & wages were recorded at RM6.8 billion. The Services sector recorded the highest payment, totalled RM2.8 billion (41.6%), followed by the Construction sector with RM2.1 billion (30.8%). The Mining and quarrying sector received RM1.2 billion (17.2%), while the Manufacturing sector recorded RM0.7 billion (10.4%).

In terms of average monthly salary, the Mining and quarrying sector recorded the highest amount at RM8,464. The Services sector had an average monthly salary of RM4,865, followed by the Manufacturing sector with RM4,789 and the Construction sector with RM3,446.

Exhibit 6: Persons Engaged and Salaries & Wages by Sector, 2023




7.2 Persons Engaged and Salaries & Wages by Category and Skills

The highest categories of persons engaged were contributed by Craft and related trades persons engaged with a total of 31,845 persons (25.8%). This was followed by the Technicians and associate professionals, with 16,866 persons (13.7%) and Plant & machine operators and assemblers recorded 15,004 persons (12.2%).

Meanwhile, Managers recorded the highest salaries & wages amounting to RM1.5 billion (22.0%). This follows by the Professionals and also Technicians and associate professionals posted RM1.4 billion (21.3%) and RM1.1 billion (15.7%) respectively.

In terms of skill levels, Semi-skilled workers recorded the highest number, with 67,552 persons (56.1%) and an average monthly salary of RM2,993. Subsequently, Skilled workers totalled 41,048 persons (34.1%) with an average salary of RM8,107 per month. Meanwhile, Low-skilled workers recorded 11,917 persons (9.9%) with an average salary of RM2,230 per month, as shown in **Exhibit 7**.

Exhibit 7: Persons Engaged and Salaries & Wages by Category and Skills, 2023




7.3 Persons Engaged by Highest Certificate Obtained

Persons engaged with a bachelor's degree / advanced diploma or equivalent have the highest number, totalling 32,417 persons, contributing 26.3 per cent. This is followed by those with an SPM / SPM (V) qualification or equivalent, with a total of 30,598 persons, contributing 24.8 per cent. Next, persons engaged with a diploma equivalent recorded a total of 27,440 persons, contributing 22.3 per cent.

OGSE activities were dominated by male, who contributed 78.6 per cent or 96,896 persons to the total persons engaged. Meanwhile, female accounted 21.4 per cent equivalent to 26,392 persons in year 2023 as depicted in **Exhibit 8**.

Exhibit 8: Persons Engaged by Highest Certificate Obtained, 2023



8. Fixed Assets

The value of fixed assets for establishment engaged in OGSE activities in 2023 amounted to RM111.0 billion. The Mining and quarrying sector recorded the highest value of fixed assets, contributing 71.6 per cent or RM79.5 billion. This was followed by the Construction sector with RM2.8 billion (2.5%). Meanwhile, the Services sector recorded RM26.5 billion (23.9%), while the Manufacturing sector registered a value amounting to RM2.2 billion (2.0%) as shown in **Exhibit 9**.

Exhibit 9: Fixed Assets by Sector, 2023



9. Performance by Region

The regions in Malaysia refer to Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. Peninsular Malaysia comprises 11 states, namely Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, and Terengganu, along with three Federal Territories, which include Kuala Lumpur, Putrajaya, and Labuan. Findings from the Manufacturing, Construction, and Mining & quarrying sector were classified as Industrial segment. The main statistics by region and segment are as shown in **Exhibit 10**.

9.1 Peninsular Malaysia

The number of establishments in Peninsular Malaysia recorded the highest total at 2,420 establishments or 83.7 per cent, with the Industrial segment and the Services segment registered 1,061 and 1,359 establishments, respectively. The gross output generated by this region amounted to RM70.8 billion, with the Industrial segment recorded the highest output of RM48.8 billion, while the Services segment contributed RM22.0 billion.

Peninsular Malaysia continued to dominate the value of intermediate input, amounting to RM34.9 billion or 87.8 per cent of the total. The Industrial segment remained the highest contributor at RM22.5 billion, followed by the Services segment at RM12.4 billion. The value added contributed by Peninsular Malaysia totalled RM35.9 billion or 91.0 per cent, with the Industrial segment recorded RM26.2 billion compared to RM9.6 billion from the Services segment.

The total of persons engaged in Peninsular Malaysia was recorded at 98,647 persons, accounted for 80.0 per cent of the overall workers. A total of 60,821 persons were employed in the Industrial segment, while 37,826 persons were in the Services segment. Salaries & wages paid in Peninsular Malaysia amounted to RM5.5 billion or 81.0 per cent, with the Industrial segment contributing RM3.2 billion and the Services segment RM2.3 billion.

9.2 Sabah

Sabah recorded 127 establishments or 4.4 per cent, with 74 establishments in the Services segment and 53 establishments in the Industrial segment. The gross output generated amounted to RM1.4 billion or 1.8 per cent, with both the Services and Industrial segments recorded the same value of RM0.7 billion.

Sabah recorded a total intermediate input of RM0.9 billion or 2.1 per cent, with RM0.5 billion contributed by the Industrial segment and RM0.4 billion from the Services segment. The value added contributed by this region amounted to RM0.6 billion or 1.4 per cent, which the Industrial and Services segments recorded RM0.2 billion and RM0.4 billion, respectively.

The total number of persons engaged in Sabah was 6,579 persons or 5.4 per cent, with 3,781 persons in the Services segment and 2,798 persons working in the Industrial segment. Salaries & wages paid in Sabah amounted to RM0.2 billion or 3.3 per cent, with both the Services and Industrial segments recorded RM0.1 billion.


9.3 Sarawak

Sarawak recorded a total of 347 establishments or 12.0 per cent, comprised of 137 establishments contributed by the Industrial segment and 210 establishments by the Services segment. The gross output amounted to RM7.0 billion or 8.8 per cent, with the Industrial segment generating RM4.0 billion, while the Services segment contributed RM3.0 billion.

The value of intermediate input was recorded at RM4.0 billion or 10.0 per cent, with RM2.6 billion contributed by the Industrial segment and RM1.4 billion from the Services segment. The value added recorded by Sarawak amounted to RM3.0 billion or 7.5 per cent, with RM1.4 billion from the Industrial segment and RM1.6 billion from the Services segment.

The persons engaged in Sarawak was 18,062 or 14.7 per cent, with 10,938 persons in the Industrial segment and 7,124 persons working in the Services segment. Salaries & wages paid amounted to RM1.1 billion or 15.8 per cent, with the Industrial segment contributing RM0.7 billion and the Services segment RM0.4 billion.


Exhibit 10: Key Statistics by Region and Segment, 2023



10. Core Activities of OGSE

Core activities of OGSE refer to the categories of work involved in supplying goods and services to license holders awarded contracts by PETRONAS. A total of 56 core activities have been identified, with five main groups, namely Exploration, Development, Production, Decommissioning, and Products.

Based on this census, the 10 highest core activities that contribute almost 50.0 per cent have been identified. Engineering consultancy recorded the highest participation, contributing 8.6 per cent. This was followed by Manpower services and Chemical supply & service activities, contributing 7.8 per cent and 5.1 per cent, respectively, to the overall OGSE core activities as shown in **Exhibit 11**.

Exhibit 11: 10 Highest Core Activities of OGSE, 2023

11. Environmental, Social, and Governance (ESG) Understanding and Awareness


The principles of Environmental, Social and Governance (ESG) are adopted to ensure long-term sustainability while complying with local and international regulatory requirements. The implementation of ESG in this sector is not only aimed at reducing environmental impact but also at enhancing social well-being and strengthening corporate governance. The level of organizational understanding and awareness is measured on a scale from 1 to 5 with details as follows:

1. No awareness
2. Aware but currently not actively tracking ESG performance metrics
3. Tracking and measuring ESG performance for external use
4. Tracking, measuring, and publicly disclosing ESG performance or to stakeholders (e.g., customers)
5. Tracking, measuring, and publicly disclosing ESG performance generally or to stakeholders, with clear ESG targets and systems in place to ensure compliance/drive improvement in ESG (e.g., business systems)

11.1 Environmental

Diploma <i>Diploma</i>	27,440	19,761	7,679
STPM atau yang setaraf <i>STPM or equivalent</i>	5,036	2,924	2,112
Sijil <i>Certificate</i>	15,908	14,655	1,253
SPM / SPM (V) atau yang setaraf <i>SPM / SPM (V) or equivalent</i>	30,598	26,435	4,163
Di bawah taraf kelulusan SPM / SPM (V) <i>Below SPM / SPM (V) qualification</i>	9,684	8,077	1,607

Jadual 7.1: Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perindustrian mengikut sijil tertinggi diperoleh dan jantina, 2023
Table 7.1: Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities of Industrial segment by highest certificate obtained and sex, 2023

Kategori sijil <i>Category of certificate</i>	Bilangan pekerja <i>Number of persons engaged</i>		
	Jumlah <i>Total</i>	Lelaki <i>Male</i>	Perempuan <i>Female</i>
Segmen Perindustrian <i>Industrial Segment</i>	74,557	60,018	14,539
Pascasiswazah <i>Postgraduate</i>	1,051	775	276
Ijazah sarjana muda / Diploma lanjutan atau yang setaraf <i>Bachelor / Advanced Diploma or equivalent</i>	17,830	13,617	4,213
Diploma <i>Diploma</i>	16,788	12,486	4,302
STPM atau yang setaraf <i>STPM or equivalent</i>	2,782	1,660	1,122
Sijil <i>Certificate</i>	9,640	8,926	714
SPM / SPM (V) atau yang setaraf <i>SPM / SPM (V) or equivalent</i>	18,317	15,791	2,526
Di bawah taraf kelulusan SPM / SPM (V) <i>Below SPM / SPM (V) qualification</i>	8,149	6,763	1,386

Jadual 7.2: Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE bagi segmen Perkhidmatan mengikut sijil tertinggi diperoleh dan jantina, 2023
Table 7.2: Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities of Services segment by highest certificate obtained and sex, 2023

Kategori sijil Category of certificate	Bilangan pekerja Number of persons engaged		
	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female
Segmen Perkhidmatan <i>Services Segment</i>	48,731	36,878	11,853
Pascasiswazah <i>Postgraduate</i>	1,154	772	382
Ijazah sarjana muda / Diploma lanjutan atau yang setaraf <i>Bachelor / Advanced Diploma or equivalent</i>	14,587	9,880	4,707
Diploma <i>Diploma</i>	10,652	7,275	3,377
STPM atau yang setaraf <i>STPM or equivalent</i>	2,254	1,264	990
Sijil <i>Certificate</i>	6,268	5,729	539
SPM / SPM (V) atau yang setaraf <i>SPM / SPM (V) or equivalent</i>	12,281	10,644	1,637
Di bawah taraf kelulusan SPM / SPM (V) <i>Below SPM / SPM (V) qualification</i>	1,535	1,314	221

Jadual 8: Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti OGSE mengikut taraf kewarganegaraan dan jantina, 2023
Table 8: Number of persons engaged and salaries & wages of OGSE activities by citizenship and sex, 2023

Sektor Sector	Bilangan pekerja Number of persons engaged					Gaji & upah Salaries & wages	
	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female				
			Warganegara Malaysia Malaysian citizens	Bukan warganegara Malaysia Non-Malaysian citizens	Warganegara Malaysia Malaysian citizens		Bukan warganegara Malaysia Non-Malaysian citizens
Jumlah Total	123,288	85,551	11,345	25,583	809	6,778,182	
Perlombongan dan pengkuarian Mining and quarrying	11,496	8,100	705	2,670	21	1,164,135	
Pembuatan Manufacturing	12,365	8,604	777	2,848	136	708,002	
Pembinaan Construction	50,696	33,810	8,022	8,368	496	2,087,654	
Perkhidmatan Services	48,731	35,037	1,841	11,697	156	2,818,392	

Jadual 9: Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap bagi aktiviti OGSE, 2023

Table 9: Capital expenditure and value of fixed assets of OGSE activities, 2023

(RM '000)

Jenis harta Type of assets	Nilai buku bersih seperti pada 01.01.2023 Net book value as at 01.01.2023	Perbelanjaan modal Capital expenditure	Harta yang dijual dalam tahun 2023 Assets sold during 2023	Susut nilai semasa Current depreciation	Nilai buku bersih seperti pada 31.12.2023 Net book value as at 31.12.2023	Sewa yang dibayar dalam tahun 2023 Rent paid during 2023
Jumlah (A+B+C) Total (A+B+C)	101,979,370	8,111,532	68,399	1,700,682	110,986,052	770,966
A. Bangunan dan pembinaan lain Buildings and other construction	6,119,392	432,470	11,438	156,987	6,407,650	551,378
Segmen Perindustrian Industrial segment	1,670,546	152,862	9,151	81,949	1,738,583	478,662
Segmen Perkhidmatan Services segment	4,448,846	279,608	2,286	75,038	4,669,067	72,716
B. Jentera dan kelengkapan Machinery and equipment	81,265,967	2,415,511	52,958	1,281,062	84,931,400	198,023
Segmen Perindustrian Industrial segment	67,274,662	1,882,142	40,341	764,075	70,935,409	104,447
Segmen Perkhidmatan Services segment	13,991,305	533,369	12,617	516,987	13,995,991	93,576
C. Harta-harta lain Other assets	14,594,011	5,263,551	4,004	262,633	19,647,002	21,565
Segmen Perindustrian Industrial segment	6,790,402	5,179,006	2,042	173,094	11,833,272	9,665
Segmen Perkhidmatan Services segment	7,803,609	84,545	1,961	89,539	7,813,730	11,900

Jadual 10: Statistik utama PMKS aktiviti OGSE mengikut saiz, 2023
Table 10: Principal statistics MSMEs of OGSE activities by size, 2023

Saiz Size	Bilangan pertubuhan Number of establishments	Nilai output kasar Value of gross output (RM '000)	Nilai input perantaraan Value of intermediate input (RM '000)	Nilai ditambah Value added (RM '000)	Bilangan pekerja Number of persons engaged	Gaji & upah Salaries & wages (RM '000)	Nilai harta tetap Value of fixed assets (RM '000)
Mikro, Kecil & Sederhana <i>Micro, Small & Medium</i>	2,652	21,151,401	11,666,645	9,484,756	51,813	2,376,325	6,455,323
A. Mikro <i>Micro</i>	547	608,361	302,137	306,224	2,027	83,439	155,026
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	29	21,144	11,833	9,310	92	4,092	7,901
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	39	73,376	38,728	34,648	147	5,397	21,335
Pembinaan <i>Construction</i>	86	122,876	77,798	45,078	308	10,232	15,697
Perkhidmatan <i>Services</i>	393	390,965	173,778	217,187	1,480	63,718	110,092
B. Kecil <i>Small</i>	1,661	10,786,964	5,980,089	4,806,875	22,665	972,314	2,783,392
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	105	1,160,555	552,729	607,826	1,444	87,659	150,899
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	130	670,343	408,525	261,818	1,800	74,086	192,450
Pembinaan <i>Construction</i>	449	3,124,018	2,088,665	1,035,354	6,803	240,164	567,867
Perkhidmatan <i>Services</i>	977	5,832,047	2,930,170	2,901,877	12,618	570,406	1,872,176

Jadual 10: Statistik utama PMKS aktiviti OGSE mengikut saiz, 2023 (samb.)
Table 10: Principal statistics MSMEs of OGSE activities by size, 2023 (cont.)

Saiz Size	Bilangan pertubuhan <i>Number of establishments</i>	Nilai output kasar <i>Value of gross output</i> (RM '000)	Nilai input perantaraan <i>Value of intermediate input</i> (RM '000)	Nilai ditambah <i>Value added</i> (RM '000)	Bilangan pekerja <i>Number of persons engaged</i>	Gaji & upah <i>Salaries & wages</i> (RM '000)	Nilai harta tetap <i>Value of fixed assets</i> (RM '000)
Mikro, Kecil & Sederhana <i>Micro, Small & Medium</i>	2,652	21,151,401	11,666,645	9,484,756	51,813	2,376,325	6,455,323
C. Sederhana <i>Medium</i>	444	9,756,076	5,384,419	4,371,657	27,121	1,320,572	3,516,905
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	29	1,610,245	709,390	900,855	1,457	103,440	596,930
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	47	1,266,610	891,377	375,233	2,556	114,434	399,854
Pembinaan <i>Construction</i>	163	2,690,693	1,827,778	862,915	10,319	370,353	687,478
Perkhidmatan <i>Services</i>	205	4,188,528	1,955,873	2,232,655	12,789	732,345	1,832,644

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023

Kategori Categories	Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial				B. Perkhidmatan Services
		Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
		Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900
JUMLAH (%) Total (%)		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
		2.0	6.8	1.3	1.4	1.9
PENEROKAAN EXPLORATION	01 Geologi / simpanan Geological / reservoir	0.3	1.4	-	-	0.4
	02 Perkhidmatan geofizik / perundingan - penerokaan Geophysical services / consultancy - exploration	0.8	3.4	0.4	0.6	0.7
	03 Perkhidmatan pembangunan tapak / pengurusan simpanan Field development / reservoir management services	0.9	2.0	0.9	0.9	0.7
		32.4	42.4	40.8	25.7	28.3
PEMBANGUNAN DEVELOPMENT	04 Perundingan pengurusan projek Project management consultancy	4.1	4.4	3.0	1.7	4.9
	05 Perundingan kejuruteraan Engineering consultancy	8.6	8.8	8.2	3.5	9.5
	06 Perundingan kesihatan, keselamatan dan persekitaran (HSE) Health, safety and environment (HSE) consultancy	1.8	3.1	1.3	0.6	2.1
	07 Perkhidmatan geofizik / perundingan - pembangunan Geophysical services / consultancy - development	0.4	1.7	0.2	0.3	0.4
	08 Perkhidmatan geomatik Geomatics services	0.5	0.3	0.3	-	0.7
	09 Perkhidmatan jaminan kualiti / kawalan kualiti Quality assurance (QA) / quality control (QC) services	1.4	1.4	0.6	1.4	1.8

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 (samb.)

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023 (cont.)

Kategori Categories	Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial				B. Perkhidmatan Services
		Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
		Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900
JUMLAH (%) Total (%)		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
PEMBANGUNAN DEVELOPMENT	10 Reka bentuk bangunan Building design	1.3	0.3	3.5	2.0	0.2
	11 Fabrikasi platform utama Major platform fabricator	0.5	1.0	0.9	0.9	0.2
	12 Fabrikasi platform kecil Minor platform fabricator	1.3	1.0	1.8	3.8	0.8
	13 Pembinaan kemudahan di daratan Construction of onshore facilities	3.8	1.4	10.4	2.0	1.3
	14 Pembinaan kemudahan luar pesisir Construction of offshore facilities	2.4	3.4	4.2	2.6	1.4
	15 Kapal sokongan luar pesisir offshore Offshore support vessel	1.1	1.7	0.6	1.2	1.3
	16 Kontraktor pemasangan saluran paip Pipeline installation contractor	2.4	1.4	4.2	3.2	1.6
	17 Floating storage and offloading (FSO) / pemilik floating production storage and offloading (FPSO) / operator / kontraktor	0.6	1.7	0.6	0.3	0.6
	18 Dasar laut (pembangunan) Subsea (development)	0.2	0.3	0.2	-	0.2
	19 Pelantar penggerudian Drilling rigs	0.2	2.4	-	0.3	0.0

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 (samb.)

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023 (cont.)

Kategori Categories	Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial				B. Perkhidmatan Services
		Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
		Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900
PEMBANGUNAN DEVELOPMENT	JUMLAH (%) Total (%)	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
	20 Perkhidmatan penggerudian Drilling services	0.9	5.1	0.6	1.2	0.5
	21 Perkhidmatan telaga / penyiapan telaga Well services / well completions	0.7	3.1	0.2	0.9	0.7
		34.8	30.1	34.0	47.1	33.9
PENGELUARAN PRODUCTION	22 Perkhidmatan makmal Lab services	0.8	1.0	0.4	-	1.1
	23 Penyelenggaraan - paip & injap / struktur Maintenance - piping & valve / structural	3.1	3.1	4.3	5.2	2.3
	24 Penyelenggaraan - elektrik & instrumentasi Maintenance - electrical & instrumentation	3.8	0.7	5.4	7.2	2.9
	25 Penyelenggaraan - mekanikal (berputar) Maintenance - mechanical (rotating)	1.3	0.7	1.5	4.6	0.8
	26 Penyelenggaraan - mekanikal (statik) Maintenance - mechanical (static)	2.0	2.0	2.1	6.6	1.3
	27 Penyelenggaraan - saluran paip Maintenance - pipeline	1.8	2.0	2.0	3.2	1.6
	28 Penyelenggaraan - peralatan keselamatan Maintenance - safety equipment	2.3	2.7	2.8	3.8	1.8

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 (samb.)

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023 (cont.)

Kategori Categories	Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial				B. Perkhidmatan Services
		Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
		Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900
PENGELUARAN PRODUCTION	JUMLAH (%) Total (%)	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
	29 Perkhidmatan tenaga manusia Manpower services	7.8	6.1	8.7	4.6	8.1
	30 Fabrikasi & pembaikan kecil Minor fabrication & repair	1.2	1.7	1.8	1.7	0.8
	31 Perkhidmatan bawah air Underwater services	0.8	1.4	0.7	1.2	0.7
	32 Perkhidmatan integriti aset Asset integrity services	0.5	0.3	0.1	0.9	0.7
	33 Kesihatan, keselamatan, persekitaran (HSE) & keselamatan Health, safety, environment (HSE) & security	2.1	1.7	1.1	1.7	2.7
	34 Pembersihan alam sekitar / pelupusan sisa Environmental clean-up / waste disposal	1.4	1.0	0.5	1.2	1.9
	35 Perkhidmatan kapal laut Marine vessel services	1.7	2.0	0.7	2.6	1.9
	36 Perkhidmatan helikopter / pengangkutan udara Helicopter / air transportation services	0.5	1.0	0.2	0.3	0.6
	37 Perkhidmatan pengangkutan darat Land transportation services	2.0	0.7	1.3	0.9	2.7
	38 Perkhidmatan pergudangan & penyimpanan Warehousing & storage services	1.0	1.7	0.3	0.9	1.4
	39 Kapal tangki kargo Cargo tankers	0.5	0.3	0.1	0.6	0.6

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 (samb.)

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023 (cont.)

Kategori Categories		Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial			B. Perkhidmatan Services	
			Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
			Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278	
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900	
JUMLAH (%) Total (%)		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	
		0.9	1.0	1.0	0.6	0.8	
DECOMMISSIONING	40	Kontraktor decommissioning Decommissioning contractor	0.9	1.0	1.0	0.6	0.8
			30.0	19.7	23.0	25.1	35.1
PRODUK PRODUCT	41	Bekalan & perkhidmatan bahan kimia Chemicals supply & services	5.1	5.1	2.6	4.9	6.2
	42	Dasar laut (produk) Subsea (products)	0.4	1.4	-	0.9	0.4
	43	Peralatan penggerudian Drilling equipment	0.9	1.4	1.0	1.2	0.7
	44	Elektrik Electrical	3.4	0.7	6.5	2.6	2.5
	45	Pemanasan, pengudaraan, dan penyaman udara Heating, ventilation, and air conditioning (HVAC)	0.7	-	1.3	0.3	0.6

Jadual 11: Aktiviti teras yang terlibat dengan aktiviti OGSE mengikut segmen, 2023 (samb.)

Table 11: Core activities involved in OGSE activities by segment, 2023 (cont.)

Kategori Categories	Aktiviti Activities	A. Perindustrian Industrial				B. Perkhidmatan Services
		Jumlah	Perlombongan dan pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
		Total	Mining and quarrying	Manufacturing	Construction	Services
Jumlah Output (RM '000) Total Output (RM '000)		79,193,943	28,101,476	9,936,494	15,402,695	25,753,278
Jumlah Output Aktiviti OGSE (RM '000) Total Output Activities OGSE (RM '000)		59,301,300	16,757,800	7,497,900	12,873,700	22,171,900
JUMLAH (%) Total (%)		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
PRODUK PRODUCT	46 ICT	2.9	1.7	2.2	-	3.7
	47 Instrumentasi Instrumentation	1.4	-	0.4	1.4	2.0
	48 Penebat Insulation	0.4	-	0.8	0.9	0.2
	49 Sistem marin Marine system	1.1	2.7	1.0	-	1.1
	50 Mekanikal Mechanical	3.6	2.0	3.2	4.3	3.8
	51 Riser	0.2	-	-	-	0.3
	52 Peralatan berputar Rotating equipments	0.8	0.7	0.5	0.3	1.0
	53 Sistem keselamatan Safety system	1.3	0.7	0.9	2.0	1.5
	54 Injap Valves	1.6	1.0	0.3	1.2	2.3
	55 Peralatan gudang Warehouse equipment	2.0	1.4	0.8	2.0	2.7
	56 Alatan bengkel Workshop tools	4.2	1.0	1.5	3.2	5.9

Jadual 12: Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi aktiviti OGSE, 2023
Table 12: Environmental, Social and Governance (ESG) of OGSE activities, 2023

Elemen Element	Peratus tahap pemahaman berhubung Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG) bagi aktiviti OGSE, 2023 Percentage of level of understanding regarding Environmental, Social, and Governance (ESG) of OGSE activities, 2023				
	1	2	3	4	5
	Tiada kesedaran <i>No awareness</i>	Sedar tetapi pada masa ini tidak menjejaki metrik prestasi ESG secara aktif <i>Aware but currently not actively tracking ESG performance metrics</i>	Menjejak dan mengukur prestasi ESG untuk kegunaan luaran <i>Tracking and measuring ESG performance for external usage</i>	Menjejak dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara terbuka atau kepada pemegang taruh <i>Tracking and measuring and disclosing ESG performance publicly or to external stakeholders</i>	Menjejak dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara umum atau kepada pemegang taruh, dan dengan sasaran dan sistem ESG yang jelas <i>Tracking and measuring and disclosing ESG performance publicly or to external stakeholders, and with clear ESG targets and system</i>
A. Alam Sekitar <i>Environmental</i>	5.2	32.8	27.6	24.4	9.9
Pelepasan <i>Emissions</i>	5.1	30.7	30.4	19.6	14.3
Pengurusan air <i>Water management</i>	4.9	30.8	27.9	26.9	9.6
Alam semula jadi dan Biodiversiti <i>Nature and Biodiversity</i>	5.4	37.7	21.7	26.7	8.5
Sisa dan Circulariti <i>Waste and Circularity</i>	5.1	35.7	30.8	19.8	8.7
Pengurusan tenaga <i>Energy management</i>	5.0	29.5	28.0	28.9	8.5
B. Sosial <i>Social</i>	4.0	25.0	25.0	31.0	15.0
Kesihatan dan keselamatan <i>Health and safety</i>	3.0	24.1	21.2	32.6	19.2
Hak asasi manusia dan hak pekerja <i>Human rights and labour practices</i>	3.1	23.8	29.3	25.1	18.6
Impak komuniti / tempatan <i>Local / community impact</i>	4.3	26.3	24.1	35.3	10.0
Kepelbagaian dan keterangkuman <i>Diversity and inclusion</i>	4.4	27.7	31.1	21.4	15.3
Pekerjaan <i>Employment</i>	3.9	23.9	21.7	39.1	11.4
Latihan <i>Training</i>	3.7	23.5	21.2	33.7	17.9

Jadual 12: Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi aktiviti OGSE, 2023 (samb.)
Table 12: Environmental, Social and Governance (ESG) of OGSE activities, 2023 (cont.)

Elemen Element	Peratus tahap pemahaman berhubung Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG) bagi aktiviti OGSE, 2023 Percentage of level of understanding regarding Environmental, Social, and Governance (ESG) of OGSE activities, 2023				
	1	2	3	4	5
	Tiada kesedaran No awareness	Sedar tetapi pada masa ini tidak menjejaki metrik prestasi ESG secara aktif Aware but currently not actively tracking ESG performance metrics	Menjejak dan mengukur prestasi ESG untuk kegunaan luaran Tracking and measuring ESG performance for external usage	Menjejak dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara terbuka atau kepada pemegang taruh Tracking and measuring and disclosing ESG performance publicly or to external stakeholders	Menjejak dan mengukur dan mendedahkan prestasi ESG secara umum atau kepada pemegang taruh, dan dengan sasaran dan sistem ESG yang jelas Tracking and measuring and disclosing ESG performance publicly or to external stakeholders, and with clear ESG targets and system
C. Tadbir Urus Governance	3.8	24.0	25.8	29.9	16.5
Anti-sogokan dan rasuah Anti-bribery and corruption	3.6	21.5	21.2	34.8	18.9
Pengurusan rantaian bekalan Supply chain management	4.2	29.6	22.2	30.3	13.8
Privasi dan keselamatan data Data privacy and security	3.3	21.6	35.1	23.9	16.1

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

5

NOTA TEKNIKAL
TECHNICAL NOTES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

1. PENDAHULUAN

Penerbitan ini mengukur prestasi industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) daripada aspek sumbangan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), nilai output, input, nilai ditambah, pekerja, gaji dan upah, struktur hak milik, taraf sah, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), aktiviti teras OGSE, maklumat alam sekitar, sosial dan tadbir urus dan statistik lain. Selain menjadi penanda aras baharu statistik OGSE di Malaysia, data yang dikeluarkan dalam penerbitan ini digunakan bagi mengukur pencapaian indikator dalam Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan 2021-2030.

2. SKOP DAN LIPUTAN

Banci OGSE meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan dan peralatan minyak & gas di Malaysia. Pertubuhan dalam Banci OGSE 2024 dikelaskan berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 Ver. 1.0 selaras dengan penggunaan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) Ver. 4 yang dikeluarkan oleh United Nations Statistic Division (UNSD). Kumpulan yang diliputi dalam Banci OGSE 2024 tertumpu terutamanya dalam sektor perkhidmatan, kejuruteraan awam di sektor pembinaan, perkhidmatan kejuruteraan dan aktiviti sokongan kepada petroleum dan gas asli. Liputan bagi keseluruhan sektor merangkumi 265 industri seperti Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan industri mengikut sektor

Sektor	Bilangan Industri
Perkhidmatan	150
Pembuatan	57
Pembinaan	55
Perlombongan dan Pengkuarian	3
Jumlah	265

Senarai MSIC terlibat bagi penyusunan penerbitan ini adalah seperti di **Lampiran 1**. Penerbitan ini dikategorikan kepada dua segmen iaitu:

2.1 Segmen Perindustrian

Segmen Perindustrian meliputi Sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan dan Pengkuarian.

2.2 Segmen Perkhidmatan

Segmen Perkhidmatan pula terdiri daripada Sektor Perkhidmatan sahaja.

3. SUMBER RANGKA

Sumber rangka utama banci ini adalah daripada Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Selain itu, rangka juga diperolehi daripada Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022) melalui pengisian daripada Seksyen H (Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas).

4. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4, United Nations* dan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan.

5. KONSEP DAN DEFINISI

5.1 Pertubuhan perlu memenuhi kriteria berikut bagi melayakkan syarikat menjawab soal selidik Banci OGSE iaitu :

i. Kriteria 1

Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain

ii. Kriteria 2

Terlibat dalam aktiviti teras minyak dan gas

5.2 Penentuan Aktiviti Teras OGSE

Sebanyak 56 aktiviti teras OGSE yang telah dikenal pasti dan dibekalkan oleh MPRC kepada DOSM bagi pelaksanaan Banci OGSE. Senarai tersebut disaring daripada anggaran 1,200 *Standardised Work and Equipment Categories (SWEC) Code*. *SWEC Code* merujuk kepada kategori kerja yang terlibat dalam pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada pemegang lesen yang dianugerahkan kontrak oleh PETRONAS. Senarai perincian aktiviti teras OGSE adalah seperti di **Lampiran 2**.

5.3 Definisi yang diguna pakai dikategorikan kepada empat sektor utama iaitu Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan mengikut kepada MSIC 2008 Versi 1.0 berasaskan *International Standard Industrial Classification of All Economic (ISIC) Revision 4*. Definisi tersebut adalah seperti berikut:

5.3.1 Perlombongan & pengkuarian

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain. Perlombongan dan pengkuarian melibatkan dua subsektor iaitu aktiviti (i) Perlombongan mineral dan pengkuarian dan (ii) Perlombongan petroleum dan gas asli. Walau bagaimanapun, subsektor Perlombongan mineral & pengkuarian tidak diliputi dalam penerbitan ini.

5.3.2 Pembuatan

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera pacuan kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dilaksanakan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada barang keluaran dijual sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit. Bagi sektor Pembuatan, subsektor berkaitan yang termasuk dalam penyusunan penerbitan ialah produk Tekstil, pakaian, kulit dan kasut, produk Kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan, produk Petroleum, kimia, getah dan plastik, produk Mineral bukan logam, logam asas dan produk logam, produk Elektrik, elektronik dan optikal dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan.

5.3.3 Pembinaan

Pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

5.3.4 Perkhidmatan

Bagi sektor Perkhidmatan, subsektor berkaitan yang termasuk dalam penyusunan penerbitan ialah Bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan, Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan dan penyimpanan, Makanan dan minuman, Maklumat dan komunikasi, Kewangan, Perkhidmatan hartanah, Profesional, Pentadbiran dan khidmat sokongan, Pendidikan dan Kesihatan.

6. TAHUN BANCİ DAN TAHUN RUJUKAN

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci manakala tahun rujukan bagi penerbitan ini adalah tahun takwim 2023. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan.

7. UNIT PELAPOR

Banci OGSE 2024 menggunakan pertubuhan sebagai unit pelaporan.

7.1 Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat / lokasi fizikal”. Sekiranya pertubuhan menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama adalah terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza.

7.2 Enterpris ditakrifkan sebagai:

7.2.1 Keseluruhan aktiviti ekonomi beroperasi di bawah satu entiti yang sah;

7.2.2 Mungkin mengandungi lebih daripada sebuah pertubuhan;

7.2.3 Satu unit institusi yang terlibat dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan;

7.2.4 Entiti ini mampu memiliki aset, mempunyai tanggungan dan terlibat dalam aktiviti ekonomi serta urusan niaga entiti lain; dan

7.2.5 Ia mungkin sebuah perbadanan, syarikat kerjasama, persatuan, perkongsian, hak milik perseorangan atau mungkin dalam bentuk persatuan yang lain.

7.3 Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan lokasi pertubuhan berada yang mencerminkan keadaan dan prestasi pertubuhan berdasarkan kawasan geografi di mana pertubuhan beroperasi.

8. TARAF SAH

Taraf sah sesebuah pertubuhan telah ditakrifkan seperti berikut:

8.1 Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki dan dijalankan oleh orang perseorangan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan sendiri. Pemilik mempunyai hak mutlak atas segala urusan pertubuhannya.

8.2 Perkongsian

Ia merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk memperoleh keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh kesemua mereka atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

8.3 Perkongsian liabiliti terhad

Merujuk kepada perniagaan entiti yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Ia memberi perlindungan liabiliti terhad kepada rakan-rakan kongsinya sama seperti liabiliti terhad yang dinikmati oleh pemegang saham sesebuah syarikat. Ia juga memberi fleksibiliti peraturan perniagaan dalaman melalui pengaturan perkongsian yang serupa dengan sesebuah perkongsian konvensional.

8.4 Syarikat sendirian berhad

Merupakan syarikat persendirian yang ditubuhkan bagi tujuan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat;

Ciri-ciri:

- i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh 2 - 50 orang pemegang saham;
- iii. Pemilik syarikat mempunyai liabiliti terhad;
- iv. Pemegang saham yang memiliki 51 peratus atau lebih daripada jumlah saham syarikat berhak untuk mengawal syarikat tersebut. Saham syarikat boleh dijual beli tetapi tidak dilakukan di pasaran terbuka;
- v. Penjualan saham mesti dengan persetujuan pemegang saham yang lain
- vi. Tidak disenaraikan di Bursa; dan
- vii. Jangka hayat perniagaan adalah panjang dan boleh dikenali perkataan Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) pada akhir nama syarikat.

8.5 Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad merupakan perniagaan yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas;

Ciri-ciri:

- i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
- ii. Dimiliki oleh pemegang-pemegang saham dan tiada had bagi pemilik saham berkenaan;
- iii. Pengurusan dan kawalan syarikat adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengarah yang dilantik oleh pemegang saham; dan
- iv. Disenaraikan di Bursa Malaysia.

8.6 Syarikat koperasi

Koperasi adalah organisasi yang ditubuhkan untuk faedah bersama ahli dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya.

8.7 Perbadanan awam

Ia merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

8.8 Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperolehi dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

9. STRUKTUR HAK MILIK

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah "Hak Milik Bersama".

9.1 Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

9.2 Bukan Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik Residen Malaysia di luar negeri juga dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

9.3 Hak milik bersama merujuk kepada badan atau organisasi yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan.

10. NILAI OUTPUT KASAR

10.1 Nilai output kasar **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Nilai jualan mineral/ produk kuari/ produk pembuatan dan nilai kerja pembinaan

- + Nilai barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti dibeli
- Kos barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti yang dibeli
- + Perbelanjaan modal ke atas binaan sendiri
- + Pendapatan daripada perkhidmatan perindustrian yang diberikan kepada orang lain

- + Pendapatan daripada kerja perindustrian lain
- + Penerimaan bayaran daripada skrap, tenaga elektrik, produk sisa, dll. yang dijual kepada orang lain
- + Penerimaan komisen dan brokeraj
- + Semua nilai output lain (seperti penerimaan perkhidmatan bukan perindustrian, misalnya bayaran pengurusan, sewa harta, dll.)
- + Stok akhir barangan siap
- Stok awal barangan siap
- + Stok akhir barangan sedang diproses
- Stok awal barangan sedang diproses
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalam)

10.2 Nilai output kasar **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain
- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- + Stok akhir
- Stok awal
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalam)

10.3 Nilai **output OGSE** merujuk kepada nilai barangan dan perkhidmatan bagi aktiviti OGSE yang dilakukan oleh pertubuhan.

11. NILAI INPUT PERANTARAAN

11.1 Nilai input perantaraan **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Nilai bahan dan bekalan yang digunakan

- + Kos kerja perindustrian (memproses) yang dibuat oleh orang lain
- + Tenaga elektrik dan air yang dibeli
- + Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Kos bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan harta tetap (termasuk pembayaran kepada pihak lain ke atas kerja ini)
- + Pembayaran terhadap perkhidmatan bukan perindustrian (termasuk bayaran bagi pengangkutan keluar barangan, perjalanan, pengurusan, bayaran perundangan, teknologi maklumat, pengiklanan, bank, pos, telekomunikasi, dll.)

- + Semua kos input lain (termasuk kos latihan dan nilai pakaian percuma yang disediakan kepada pekerja)

11.2 Nilai input perantaraan **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan

- + Premium insurans
- + Royalti dan bayaran paten
- + Caj bank
- + Pembelian elektrik dan air
- + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

12. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output kasar dan input perantaraan. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

13. PEKERJA

Bilangan pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

13.1 Pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji

i. Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam sesebuah pertubuhan itu. Justeru, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

ii. Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah kepada pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap, sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik tersebut dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak dalam pertubuhan itu.

13.2 Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Merujuk kepada semua pekerja bergaji (sepenuh masa) yang bekerja sekurang-kurangnya enam jam sehari dan/atau 20 hari sebulan. Pekerja bergaji (sepenuh masa) telah dikategorikan berdasarkan Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 seperti berikut:

i. Pengurus dan Profesional meliputi:**a. Pengurus**

Merujuk kepada mereka yang menggubal, menganalisa, merumus, mengarah dan memberi nasihat tentang dasar kerajaan, dan membuat, memansuhkan undang-undang, kaedah dan peraturan awam, dan mewakili serta bertindak bagi pihak kerajaan, dan memantau pentafsiran dan pelaksanaan dasar dan undang-undang kerajaan, atau menjalankan tugas yang seumpamanya bagi pihak pertubuhan berkepentingan khas, atau mengatur, memimpin, mengawal dan menyelaras dasar dan aktiviti perusahaan, organisasi, jabatan atau seksyen dalamnya; dan

b. Profesional

Merujuk kepada mereka yang bertanggung jawab untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada, mengaplikasikan konsep dan teori saintifik atau artistik, mengajar tentang perkara tersebut dengan cara bersistematik, atau terlibat dalam apa-apa gabungan tiga aktiviti di atas.

ii. Juruteknik dan profesional bersekutu

Merujuk kepada mereka yang melakukan tugas teknikal dan tugas yang berkaitan dengan penyelidikan dan pengaplikasian konsep sains atau seni dan kaedah operasi, dan peraturan kerajaan atau perniagaan.

iii. Perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, kemahiran khas, operator mesin & loji dan pekerjaan yang berkaitan:**a. Pekerja sokongan perkeranian**

Merujuk kepada mereka yang merekod, mengurus, menyimpan dan mendapatkan maklumat yang berkaitan, dan menjalankan tugas-tugas perkeranian berhubung dengan operasi pentadbiran, pengendalian wang, urusan perjalanan, permintaan maklumat dan janji temu.

b. Pekerja perkhidmatan dan jualan

Merujuk kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, pengemasan, catering, penjagaan diri, atau perlindungan dari kebakaran dan undang-undang yang berkaitan, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya termasuk di gerai dan pasar.

c. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan

Merujuk kepada mereka yang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang perlombongan dan pembinaan,

penempatan logam, dan mendirikan stuktur logam; membuat, melaraskan, menyelenggara dan membaik pulih jentera, kelengkapan atau peralatan; menjalankan kerja pencetakan; dan mengeluarkan atau memproses barang makanan, tekstil atau kayu, logam dan barangan lain termasuk barang kraftangan; dan

d. Operator mesin & loji, dan pemasang

Merujuk kepada mereka yang mengendalikan dan mengawasi jentera dan kelengkapan perindustrian dan pertanian; memandu dan mengendalikan kereta api, kenderaan bermotor, jentera dan kelengkapan bergerak; atau memasang bahagian komponen produk mengikut spesifikasi dan prosedur yang ketat.

e. Pekerja asas

Merujuk kepada mereka yang menjalankan tugas yang mudah, rutin dan tidak sistematik yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan atau dengan sokongan mesin yang mudah, dan memerlukan tenaga fizikal yang banyak.

13.3 Pekerja bergaji (sambilan)

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada enam jam sehari dan/ atau kurang daripada 20 hari sebulan.

14. KATEGORI KEMAHIRAN

Kategori kemahiran dikelaskan berdasarkan Piawaian Pengkelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 adalah seperti berikut:

14.1 Pekerja mahir

Pengurus, Profesional dan Juruteknik dan profesional bersekutu;

14.2 Pekerja separuh mahir

Pekerja sokongan perkeranian, perkhidmatan dan jualan, dan Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan serta Operator mesin & loji dan pemasang; dan

14.3 Pekerja berkemahiran rendah

Pekerja asas

15. GAJI & UPAH

Semua pembayaran (gaji, upah, bonus, komisyen, bayaran lebih masa dan elaun tunai termasuk belanja sara hidup, perumahan, kereta, makanan dan sebagainya) yang dibuat sepanjang tahun rujukan meliputi semua pekerja bergaji dalam setiap kategori pekerja yang diambil secara langsung termasuk jumlah bayaran yang dibuat adalah sebelum ditolak cukai pendapatan dan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) / Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) / Kumpulan wang

simpanan lain / Kumpulan wang persaraan (KWAP). Caruman majikan kepada kumpulan wang yang di atas hendaklah dikecualikan.

16. NILAI HARTA TETAP

Nilai harta tetap merupakan nilai aset bagi pegangan atau penggunaan entiti tersebut dalam satu tempoh masa. Nilai harta tetap boleh dibezakan antara aset bukan kewangan dan aset kewangan. Bagi aset bukan kewangan, ia dibezakan antara aset pengeluaran dan aset bukan pengeluaran. Aset pengeluaran terdiri daripada struktur, jentera & kelengkapan dan aset lain. Jenis harta adalah ditakrifkan seperti berikut:

16.1 Bangunan dan pembinaan lain:

- i. **Tempat kediaman** yang mana pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya terdiri daripada tempat kediaman.
- ii. **Bukan tempat kediaman** adalah bangunan untuk kegunaan perindustrian, awam dan komersil; cth kilang, gudang, bangunan pejabat, stor, restoran, garaj, kedai, hospital, sekolah dan sebagainya.
- iii. **Binaan lain** termasuk pembinaan atau pengubahsuaian jalan, landasan keretapi, pembentungan, jambatan, pelabuhan, medan letak kereta, saluran paip dan sebagainya.
- iv. **Tanah** termasuk nilai tapak tanah dengan tidak mengambil kira pembangunan dan struktur. (cth. tanah tebus guna dan persisiran pantai yang ditambah bagi mewujudkan daratan).

16.2 Jentera dan kelengkapan:

- i. **Jentera dan kelengkapan utama**
Jentera dan kelengkapan termasuklah jentera penjaan kuasa, mesin dan kelengkapan pejabat, jentera pertukangan logam, jentera pembinaan dan jentera industri lain, kren, forklift dan sebagainya, kontena tahan lama, peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh profesional dan jentera serta alat lain termasuk pengubahsuaian besar dan penambahbaikan terhadap jentera dan peralatan jenis ini.
- ii. **Dron**
Dron atau sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) bermaksud pesawat dan unsur-unsur yang berkaitan dengannya yang beroperasi tanpa juruterbang di atas kapal.
- iii. **Alat pengangkutan**
Merujuk kepada alat pengangkutan yang digunakan untuk pemindahan barangan atau orang ke destinasi bagi tujuan perniagaan.
- iv. **Teknologi maklumat dan komunikasi**
 - a. **Perkakasan komputer**
Merujuk kepada semua perkakasan prosesan, penyimpanan,

penghantaran data dan maklumat yang berkaitan dengan sistem komputer.

b. Perisian komputer

Merujuk kepada perisian untuk pengoperasian sistem komputer dan pangkalan data sama ada dibangunkan sendiri, ditempah khas atau dibeli (tidak ditempah khas).

c. Peralatan telekomunikasi

Merujuk kepada telefon mudah alih, *personal digital assistants* (PDAs), piring satelit, peralatan pandang dengar (cth. radio, televisyen) dan pemancar dan penerima televisyen / radio lain.

v. Perabot dan pemasangan

Perabot dan pemasangan meliputi semua perkakasan yang diperlukan bagi menghias dan melengkapkan sesebuah bangunan cth. kerusi, meja, permaidani dan sebagainya.

vi. Pembangunan tanah

Termasuk nilai kerja membersihkan, menyediakan tapak binaan serta membuat landskap tetapi tidak termasuk nilai tanah sebelum pembangunan dibuat. Ia termasuk juga perbelanjaan terhadap pembersihan dan tebus guna tanah, tidak kira sama ada ini akan memberi tambahan kepada keluasan tanah yang ada atau tidak. Contohnya tali air dan projek kawalan banjir, empangan dan benteng yang merupakan sebahagian daripada projek ini, membersihkan dan menanam semula di kawasan kayu balak dan hutan.

16.3 Harta-harta lain merujuk kepada harta tak ketara yang meliputi paten dan muhibah.

i. **Paten** merujuk kepada hak eksklusif kepada pemiliknya untuk membuat ciptaan mekanikal yang berkuasa untuk beberapa tahun. Paten direkodkan pada kos.

ii. **Muhibah** wujud daripada nama baik sesebuah syarikat dan kesetiaan pelanggan yang diperolehi. Apabila sesuatu perniagaan dibeli dengan harga melebihi nilai harta bersih, maka lebihan ini dianggap sebagai muhibah.

iii. **Kerja dalam pelaksanaan** merujuk kepada harta (cth. bangunan, jentera & kelengkapan dan lain-lain) separuh siap dan masih belum dimodalkan. Sebagai contoh, jika syarikat sedang membina aset seperti bangunan yang akan digunakan dalam pengeluaran, dan aset itu hanya separuh siap, jumlah yang dibelanjakan akan direkodkan sebagai kerja dalam pelaksanaan.

16.4 Nilai buku bersih seperti pada awal tahun kewangan

Nilai setelah mengambil kira susut nilai pada tahun sebelum.

16.5 Baharu termasuk import (baharu & terpakai)

Meliputi perolehan harta baharu termasuk pengubahsuaian atau harta yang diimport kerana ia merupakan harta baharu yang diperoleh untuk ekonomi Malaysia. Ini merujuk kepada harta tetap yang belum pernah digunakan di Malaysia, termasuk harta tetap yang diimport baharu.

16.6 Aset terpakai (Malaysia)

Merujuk kepada semua harta yang dahulunya digunakan dalam Malaysia termasuk semua harta yang telah dibaikpulih atau diubahsuai sebelum pemilikan hendaklah dianggap sebagai terpakai.

16.7 Membuat / membina sendiri

Membuat / membina sendiri ke atas harta tetap yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini untuk kegunaan sendiri, kos bagi semua kerja yang dijalankan pada tahun itu hendaklah direkodkan. Sebarang kos *overhead* yang diperuntukkan bagi kerja ini hendaklah dimasukkan.

